

STRATEGI PENTERJEMAHAN NILAI DAN KEPERCAYAAN DALAM NOVEL *SUNGAI MENGALIR LESU*

Nur Hafeza Ahmad Marekan
feza_haydie@yahoo.com

Goh Sang Seong
gohss@usm.my

Bahagian Bahasa Malaysia, Terjemahan dan Interpretasi
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia

Abstrak

Makalah ini membincangkan penterjemahan mentifak unsur kepercayaan dan nilai daripada bahasa Melayu kepada bahasa Inggeris. Penelitian berfokus pada strategi terjemahan unsur kepercayaan dan nilai. Faktor yang mempengaruhi pemilihan strategi penterjemahan kepercayaan dan nilai ini turut dibincangkan. Data yang dianalisis dipetik daripada novel *Sungai Mengalir Lesu*, karya A. Samad Said (1967) yang telah diterjemahkan oleh Aveling (1981). Kajian ini memanfaatkan pendekatan dokumentari dan instrumental oleh Nord (1997) untuk meneliti strategi penterjemahan unsur kepercayaan dan nilai. Konsep makna situasi oleh Larson (1984), definisi nilai dan kepercayaan oleh Katan (2004) serta definisi mentifak oleh Huxley (1957) turut dimanfaatkan untuk mengenal pasti unsur nilai dan kepercayaan, serta mesejnya dalam teks sumber. Didapati bahawa unsur nilai dan kepercayaan dalam bahasa sumber yang berkongsi medan semantik budaya yang serupa dengan nilai dan kepercayaan dalam bahasa sasaran lebih cenderung disampaikan kembali dalam teks terjemahan melalui pendekatan dokumentari, manakala unsur nilai dan kepercayaan dalam bahasa sumber yang tidak wujud dalam bahasa sasaran lebih kerap diterjemahkan dengan menggunakan pendekatan instrumental.

Kata kunci: budaya, mentifak, terjemahan dokumentari, terjemahan instrumental

Abstract

*This article discusses the translation of mentifact elements, namely beliefs and values, from Malay into English. The examination focuses on the strategies used for translating mentifacts as well as the factors affecting the choice of strategies. The data used for the analysis were taken from the novel *Sungai Mengalir Lesu* by A. Samad Said (1967), which had been translated by Aveling (1981). This study utilises the documentary and instrumental approaches as introduced by Nord (1997) to examine the translation strategies. The concept of situational meaning by Larson (1984), the definition of values and beliefs by Katan (2004), and the definition of mentifacts by Huxley (1957) have also been utilised in order to identify the values and beliefs elements, as well as the messages contained within those elements in the source text. It is revealed that the values and beliefs elements in the source language, which share a similar cultural semantic field with the values and beliefs in the target language tend to be conveyed back into the translated text using the documentary approach. On the other hand, the values and beliefs elements in the the source language, which do not exist in the target language's are often translated using the instrumental approach.*

Keywords: culture; mentifacts; documentary translation; instrumental translation

PENDAHULUAN

Menurut Winston (1933:25), “*culture may be considered as the totality of material and non-material traits, together with their associated behaviour patterns, plus the language uses which a society possesses*”. Pernyataan ini turut disokong oleh Herskovits (1948:625) dan Ellwood (1927a:9) yang menyatakan bahawa terdapat perkaitan objek material dan bukan material dalam definisi budaya mereka. Berdasarkan perkaitan antara objek material dengan objek bukan material, ternyata bahawa budaya ialah konsep yang kompleks. Konsep budaya yang luas ini juga boleh diteliti dalam definisi Goodenough (1964:36) yang menyatakan bahawa:

Culture, being what people have to learn as distinct from their biological heritage, must consist of the end product of learning: knowledge, in a most general, if relative, sense of the term. By this definition, we should note that culture is not a material phenomenon; it does not consist of things, people, behavior, or emotions. It is rather an organization of these things. It is the forms of things that people have in mind, their models for perceiving, relating, and otherwise interpreting them.

Berdasarkan definisi ini, konsep budaya oleh Goodenough lebih cenderung dikenali sebagai mentifak atau disebut sebagai “*Culture with a capital C*” yang bermaksud budaya yang sebenar-benarnya. Konsep ini merujuk corak pemikiran pengamal budaya yang menurut Goodenough, merupakan elemen penting dalam mentafsirkan sesuatu yang berkaitan dengan budaya mereka. Mentifak merupakan tunjang pada budaya yang dianggap sebagai sesuatu yang penting. Dengan kata lain, melalui definisi Goodenough ini, kita dapat memahami bahawa budaya bukan hanya satu fenomena material sahaja, malahan melibatkan perlakuan, pengetahuan, emosi dan perasaan yang ada dalam setiap pemikiran pengamal sesuatu budaya itu yakni merujuk mentifak.

Penegasan tuntutan penguasaan dua budaya dan bukan hanya dua bahasa terhadap penterjemah menunjukkan bahawa penterjemahan budaya seringkali memberikan masalah kepada penterjemah khususnya apabila penterjemah tidak benar-benar mendalami budaya pasangan bahasa yang terlibat (Mohanty, 1993:28). Tugas penterjemah bertambah rumit apabila terjemahan budaya bukan lagi dimengertikan sebagai amalan memberikan kata-kata padanannya dalam bahasa sasaran tetapi penyampaian semula corak pemikiran pembaca teks sumber.

Mentifak yang umumnya merujuk corak pemikiran pengamal budaya sesuatu masyarakat merupakan satu cabang subsistem budaya yang masih belum banyak diteliti dan dikaji khususnya dalam bidang terjemahan. Kemunculan idea berkenaan budaya sebagai sesuatu yang berbentuk abstrak (Katan, 2004) dan bergantung pada interpretasi pengamalnya (Goodenough, 1964) ternyata menunjukkan bahawa penterjemahan budaya ialah proses yang rumit dan memerlukan kajian yang mendalam.

Berdasarkan sorotan kajian lepas, didapati bahawa penterjemahan budaya daripada teks sumber kepada teks terjemahan sememangnya mengalami masalah, terutamanya teks sumber yang mendukung unsur budaya sesuatu bangsa atau kaum yang sosiobudayanya berbeza daripada

sosiobudaya bangsa atau kaum yang mengamalkan bahasa teks terjemahan. Namun begitu, kelihatan kajian lepas tentang penterjemahan budaya lebih cenderung tertumpu pada bentuk budaya itu sendiri, yakni melihat pada sosiofak dan artifak sahaja (Goh Sang Seong, 2012; Normalis Amzah, 2008; Ummu Rahamatullah, 2008). Pemikiran yang dijelmakan melalui bentuk budaya itu masih kurang mendapat penelitian. Oleh itu, pengkaji berpendapat bahawa kajian tentang penterjemahan corak pemikiran atau mentifak yang ada pada sesuatu unsur budaya khususnya unsur kepercayaan dan nilai ini amat menarik dan perlu dilakukan. Makalah ini meneliti strategi penterjemahan yang digunakan oleh penterjemah dalam menyampaikan mentifak yang terkandung dalam teks sumber ke dalam teks terjemahan.

KERANGKA TEORI

Kajian ini memanfaatkan teks novel *Sungai Mengalir Lesu* (atau *Lazy River*) berdasarkan definisi mentifak oleh Huxley (1957). Menurut Huxley (1957:73), mentifak ialah “...*mental constructions which provide the psychological framework of a culture and carry out intellectual, aesthetic, spiritual, ethical or other psychological functions.*” Maka, mentifak yang bertindak sebagai kerangka psikologikal sebenarnya dilihat sebagai organ pemikiran pengamalnya dalam masyarakat. Menurut Huxley (1957:75) lagi, sesuatu yang dipanggil sebagai “sistem gegelung” yang merangkumi aspek budaya (komponen noetik) termasuk kepercayaan itu merupakan ciri terpenting bagi budaya. Sistem gegelung itu merupakan gabungan mentifak.

Dalam konteks kajian ini, definisi nilai dan kepercayaan oleh Katan (2004) digunakan bagi mengenal pasti kedua-dua unsur ini daripada teks kajian. Makna kepercayaan oleh Katan (2004:55) adalah seperti yang berikut:

Belief are mental concepts, theoretical constructs, held to be true or valid, and are formed in response to perceived needs. They provide the idealized examples (for instance of conduct) for the frames, and as such provide us with expectations about what the world should be like.

Menurut Katan, kepercayaan merupakan sesuatu yang dianggap benar. Kepercayaan juga berperanan sebagai kerangka atau panduan

dalam kehidupan. Kepercayaan cenderung menjadi faktor pembatas daripada menjadi faktor pembenar. Konsep kepercayaan yang diberikan oleh Katan ini dijadikan asas dalam perbincangan data yang memberikan tumpuan kepercayaan dari sudut agama yang juga jelas mempunyai kaitan dengan perkara yang dikatakan oleh Katan sebagai “*held to be true or valid*” dan “*for the frames*”. Hal ini demikian kerana agama menunjangi kehidupan manusia dengan bertindak sebagai pegangan hidup. Konteks teks sumber menunjukkan bahawa kepercayaan agama yang mendasari hampir seluruh plot cerita merupakan kepercayaan agama Islam. Oleh itu, unsur kepercayaan agama yang dikaji hanya terbatas pada agama Islam.

Definisi nilai yang digagaskan oleh Katan pula, iaitu “*value embody what is important to us and act as fundamental principles to live by. They are polar opposites and tend to be expressed as nominalizations*” (2004:55) turut dimanfaatkan dalam kajian ini. Berdasarkan definisi oleh Katan ini, nilai dianggap merangkumi perkara penting bagi kita dan pada masa yang sama berperanan sebagai prinsip asas dalam kehidupan. Nilai terbahagi kepada nilai positif dan nilai negatif. Nilai positif merupakan nilai yang menjadi motivasi dalam kehidupan kita, manakala nilai negatif bertindak sebaliknya. Makna nilai oleh Katan ini dijadikan asas bagi perbincangan. Nilai dibataskan pada unsur kemanusiaan selaras dengan konteks teks sumber yang cuba menggarap isu kemanusiaan melalui watak dan perwatakannya.

Bagi tujuan penulisan makalah ini, turut dimanfaatkan makna situasi oleh Larson (1984:37). Menurut beliau, makna situasi ialah jenis makna yang penting dalam pemahaman sesuatu teks. Tambah beliau, “*a text may be unintelligible to someone who does not know the culture in which the language is spoken because there is so much situational meaning*” (Larson 1984:37). Oleh hal yang demikian, dalam menterjemahkan teks, makna situasi perlu dimasukkan dengan jelas sekiranya makna teks yang sama hendak disampaikan kepada pembaca sasaran. Larson (1984:42), turut mengaitkan cabaran terjemahan makna situasi ini dengan faktor implisit. Petikan di bawah menjelaskan perkaitan tersebut.

One of the challenges facing a translator is knowing when to supply the information which is implicit in the text. The author may have written for people with the same culture and same experience as his. But the translator, or those whom he would like to read his translation, may not know much of this implied information. They may not be able to understand his translation unless he makes some of this implicit information from the communication situation explicit.

Petikan ini nyata menunjukkan bahawa perbezaan budaya memberikan kekangan dalam proses pentafsiran makna khususnya makna situasi yang implisit.

Selain itu, penterjemahan fungsian oleh Nord (1997:47) turut dimanfaatkan. Menurut beliau, terdapat dua jenis pendekatan penterjemahan, iaitu penterjemahan dokumentari dan penterjemahan instrumental. Kedua-dua pendekatan ini dibezakan berdasarkan fungsi terjemahan dan juga fungsi teks terjemahan yang terhasil. Bagi penterjemahan dokumentari, tujuannya adalah untuk menghasilkan “dokumen” bagi interaksi komunikatif pembaca dengan budaya sumber yang mendasari teks terjemahan. Teks sumber dianggap sebagai sumber dokumen budaya yang menghasilkan komunikasi antara penulis asal dengan khalayak asal. Dalam penterjemahan dokumentari ini, pembaca sasaran mendapat sedikit sebanyak idea berkenaan teks sumber, misalnya budaya pembaca teks sumber. Terdapat empat bentuk penterjemahan dokumentari, iaitu terjemahan interlineal, terjemahan literal, terjemahan filologikal dan terjemahan berunsur eksotik. Terjemahan interlineal merujuk pengekalan struktur sintaksis dan leksis seperti teks sumber. Terjemahan literal pula bermaksud pengadaptasian sintaksis dan norma bahasa sumber dalam sintaksis dan norma bahasa sasaran. Sementara itu, terjemahan filologikal berlaku apabila penterjemah menjelaskan unsur budaya dalam teks sumber di samping melakukan terjemahan secara literal. Hal ini bermaksud penterjemah mengekalkan dan memberikan penerangan bagi unsur budaya tersebut dalam teks terjemahan. Bagi terjemahan berunsur eksotik pula, penterjemah dilihat mengekalkan aspek budaya teks sumber dalam teks terjemahan.

Penterjemahan instrumental pula bertujuan menghasilkan “instrumen” yang menjadi penghubung komunikasi yang baharu dalam budaya sasaran tanpa menyebabkan khalayak sasaran berasa kelainan atau janggal untuk memahami teks terjemahan tersebut. Penterjemahan ini dilakukan dengan usaha cuba mengekalkan fungsi teks asal supaya fungsi yang sama dirasai oleh khalayak sasaran. Beberapa aspek penting teks seperti elemen budaya dikorbankan dalam menghasilkan teks terjemahan bagi meningkatkan komunikasi dan fungsi teks terjemahan. Oleh hal yang demikian, pembaca sasaran tidak seharusnya sedar bahawa teks yang dibaca merupakan hasil terjemahan. Bagi penterjemahan instrumental, Nord mengklasifikasikannya menjadi tiga bentuk terjemahan, iaitu terjemahan sefungsional, terjemahan heterofungsional dan terjemahan homologus. Terjemahan sefungsional bermaksud penghasilan fungsi teks yang sama dalam teks terjemahan.

Seterusnya, terjemahan heterofungsian berlaku apabila fungsi teks sumber diubah disebabkan perbezaan budaya atau masa bagi menyesuaikan dengan budaya sasaran. Terjemahan homologus pula memfokus pada penghasilan semula kesan teks sumber dalam teks terjemahan.

Kedua-dua pendekatan penterjemahan ini dimanfaatkan untuk mengklasifikasikan jenis terjemahan yang dihasilkan dan strategi penterjemahan yang digunakan oleh penterjemah dalam menterjemahkan unsur mentifak.

SUMBER DATA

Kajian ini menggunakan data daripada novel *Sungai Mengalir Lesu* yang merupakan novel kedua A. Samad Said selepas *Salina*. Novel ini diterbitkan pada tahun 1967 dan dicetak semula pada 1975. Novel ini berkisar tentang kehidupan masyarakat kampung di Singapura sewaktu penjajahan Jepun. Novel ini mengandungi 122 muka surat dan dibahagikan kepada enam bab. Sungai yang menjadi tunjang penceritaan dalam novel ini merupakan sungai kotor yang mengalir di kampung dan menjadi sumber makanan serta memori peperangan bagi watak dalam novel *Sungai Mengalir Lesu*. Novel ini telah diterjemahkan oleh Harry Aveling dengan judul *Lazy River*. Teks terjemahan ini diterbitkan pada tahun 1981. Dibandingkan dengan teks asal, terjemahan novel ini mempunyai 121 muka surat dan dibahagikan kepada lima bab sahaja. Pengenalan (*Introduction Lazy River* 1981: ix) yang ditulis oleh penterjemah, iaitu:

Sungai Mengalir Lesu has not received the same critical attention that has been given to Salina. It is, nevertheless, an important work and deserves to be better known. The authenticity of Samad Said's description of Singaporean society, his insight into the effects of the Japanese Occupation on that society, and the skill of his writing, leave no doubt that he is one of the two or three Malay authors of the twentieth century whose work will count with readers both within and beyond the region of South-east Asia in the years to come.

Jelas ditunjukkan bahawa tujuan *Sungai Mengalir Lesu* diterjemahkan adalah untuk menyampaikan idea dalam novel A. Samad Said ini kepada golongan pembaca sasaran. Bagi beliau, isi penulisan novel *Sungai Mengalir Lesu* ini amat penting untuk pembaca. Malahan, Aveling mengatakan bahawa *Sungai Mengalir Lesu* setanding dengan *Salina*

dan wajar diperkenalkan kepada orang ramai. Selain itu, tujuan kedua penterjemahan novel *Sungai Mengalir Lesu* adalah untuk menceritakan kehidupan penduduk kampung di Singapura semasa penjajahan Jepun. Pembaca sasaran yang dijangkakan daripada golongan yang berminat dengan kesusasteraan dan sejarah Tanah Melayu. Dengan itu, fungsi terjemahan yang dihasilkan dijangkakan adalah untuk memperkenalkan budaya orang Melayu kepada pembaca sasaran. Maka, mana-mana strategi penterjemahan yang dapat mengungkapkan budaya Melayu dalam teks sumber ke dalam teks terjemahan dianggap sesuai.

ANALISIS DATA

Perbincangan data dikelaskan mengikut strategi penterjemahan yang digunakan oleh penterjemah dalam menterjemahkan unsur nilai dan kepercayaan. Perbincangan data dimulakan dengan petikan teks (TS merujuk teks sumber, TT merujuk teks terjemahan, dan halaman disertakan dalam kurungan) yang mempunyai unsur kepercayaan dan nilai (yang digelapkan dalam ayat) dalam teks sumber dan padanannya dalam teks terjemahan. Seterusnya perbandingan antara kedua-dua buah teks mengikut makna situasi dilakukan untuk meneliti mentifak yang mendasari kedua-dua teks tersebut dan strategi penterjemahan yang digunakan oleh penterjemah berpandukan pendekatan dokumentari dan pendekatan instrumental oleh Nord (1997). Yang berikut diperturunkan contoh analisis strategi penterjemahan nilai dan kepercayaan:

Gabungan Pendekatan Instrumental dan Dokumentari

Contoh 1

TS (41):

Zainab tidak menjawab; dia cuma menggeleng.

“Tak ada orang ketuk pintu?”

“Tak ada.”

“Betul tak ada?”

“Tak ada, **Mama...**”

“Berapa kali dah aku kata, **jangan panggil mama, panggil nana.**”

Sayed Ayuub mengingatkan.

“**Tak ada orang ketuk pintu, Nana,**” Zainab membetulkan kesilapannya.

TT (41):

Zainab did not answer him but simply shook her head.

“Did anyone knock on the door?”

“No”

“Are you sure?”

“Quite sure, mamak...”

*“How many times must I tell you **not to call me ‘uncle’**; call me nana, brother,” he reminded her.*

*“**No one knocked on the door, nana,**” Zainab corrected herself.*

Mentifak yang terdapat dalam contoh ini ialah nilai hormat. Dalam konteks teks sumber, dinyatakan bahawa Sayeed Ayuub memarahi isterinya kerana memanggilnya “mama”. *Kamus Dewan Edisi Empat* (2007:989) mendefinisikan “mama” atau “mamak” sebagai saudara ibu yang laki-laki atau bapa saudara atau dengan kata lain merujuk pak cik, manakala “nana” (2007:1069) bermaksud kata ganti diri yang merujuk orang yang dianggap sebagai abang dalam bahasa Tamil. Perlakuan Zainab memanggil suaminya sebagai mama yang merujuk pak cik dilihat tidak hormat. Dalam budaya Melayu yang mendasari hidup watak Zainab dalam teks sumber, rasa hormat perlu ditunjukkan mengikut situasi. Hal ini bermaksud, meskipun Sayeed Ayub yang dalam konteks teks ini merupakan lelaki tua yang layak dipanggil pak cik oleh Zainab, hormat sebagai isteri kepada suami tetap harus ditonjolkan dengan panggilan. Walaupun panggilan “mama” masih menunjukkan rasa hormat, tetapi hormat yang ditonjolkan itu tidak sama dengan hormat isteri kepada suami. Kelakuan ini boleh dianggap sebagai tidak sopan. Disebabkan Zainab memanggil suaminya dengan panggilan “mama” sahaja, maka pemikiran yang mendasari perlakuan Zainab ini menggambarkan dia tidak menghormati suaminya.

Bagi contoh ini, penterjemah menggunakan gabungan strategi terjemahan sefungsi, terjemahan filologikal dan terjemahan berunsur eksotik bagi menyampaikan pemikiran unsur nilai hormat yang terdapat dalam teks sumber. Melalui strategi terjemahan sefungsi, penterjemah menggunakan padanan sejadi bagi kata “mama”, iaitu *uncle* dalam bahasa sasaran. Bagi strategi terjemahan berunsur eksotik pula, kata budaya “nana” dikekalkan bagi mencipta kesan eksotik kepada pembaca teks terjemahan. Penambahan kata *brother* selepas “nana” dalam teks terjemahan sebenarnya merupakan terjemahan filologikal yang memberikan maklumat tambahan. Walaupun fungsi komunikatif teks sumber berubah disebabkan perbezaan budaya, tindakan penterjemah dalam memilih strategi jenis ini telah

membantu menyampaikan fungsi teks sumber dengan cara memberikan maksud “mama” dan “nana”, iaitu *uncle* dan *brother*. Penterjemah telah mengambil kira soal pemahaman pembaca dan pada masa yang sama menghormati keunikan budaya dalam teks sumber. Oleh hal yang demikian, boleh dikatakan bahawa di sebalik berlakunya situasi eksotik itu, penterjemah telah berjaya menyampaikan pemikiran unsur nilai hormat dalam ayat ini. Teks terjemahan memperlihatkan pemikiran unsur budaya ini dengan memberikan makna lain, iaitu mama sebagai *uncle* dan nana sebagai *brother*. Dengan memberikan makna sebenar mama dan nana dalam teks terjemahan, pembaca sasaran boleh memahami sebab Sayeed Ayub memarahi isterinya, dan di samping itu boleh mengetahui budaya Melayu yang menitikberatkan nilai hormat isteri terhadap suaminya melalui panggilan *brother*. Selain itu, pengekalan “nana” dalam *No one knocked on the door; nana, Zainab corrected herself* menggambarkan nilai hormat yang seharusnya diberikan oleh Zainab terhadap Sayeed Ayub. Terjemahan “membetulkan kesilapannya” kepada *corrected herself* menjelaskan perlakuan Zainab memanggil Sayeed Ayub sebagai “mama” sebelum itu adalah tidak betul atau tidak sesuai. Teks terjemahan dapat menonjolkan pemikiran unsur nilai hormat dalam contoh ayat ini. Oleh hal yang demikian, terjemahan ini merupakan terjemahan tepat kerana penterjemah telah berjaya menepati fungsi teks dengan menyampaikan pemikiran nilai hormat dalam teks terjemahan.

Pendekatan Dokumentari

Contoh 1

TS (7):

Waktu Tuminah masuk Ahmad Jani sedang **membaca Yasin dengan tangan yang tergigil-gigil.**

TT (7):

*When Tuminah entered the shelter, Ahmad Jani was **chanting Yasin, the thirty-seventh chapter of the Koran, on death and the final judgment. His hands were shaking.***

Mentifak yang hadir dalam ayat Contoh 1 di atas ialah kepercayaan bahawa Yasin sebagai pengubat ketakutan dan kegelisahan. Yasin merujuk surah ke-36 dalam kitab al-Quran. Amalan membaca Yasin telah lama dipraktikkan dan sudah dijadikan tradisi dalam masyarakat Melayu

di Nusantara. Dalam masyarakat Nusantara, bacaan Yasin dipercayai sebagai penolak bala, mendatangkan keampunan, memanjangkan umur, memurahkan rezeki, mudah mendapat jodoh, dan lain-lain. Idea yang mendasari perlakuan membaca Yasin ialah orang Islam sentiasa meminta pertolongan daripada Allah SWT demi kesejahteraan hidup tidak kira pada waktu senang atau pada waktu susah. Malah, membaca Yasin dilihat sebagai satu kelebihan dalam usaha mendekati diri kepada Tuhan. Hal ini jelas menunjukkan bahawa perlakuan membaca Yasin sebagai cara memohon keselamatan daripada Allah SWT telah diterima oleh watak orang Melayu dalam teks sumber sebagai satu teori yang dipercayai benar dan bermakna. Hal ini demikian kerana mengikut konteks teks sumber, membaca Yasin merupakan amalan yang selalu dilakukan oleh watak (yang beragama Islam) ketika berada di dalam *syelter* sewaktu bom meletus di luar. Dalam teks sumber, mesej pemikiran yang disampaikan oleh perlakuan “membaca Yasin” adalah sebagai pendinding bagi mengatasi ketakutan dan kegelisahan. Mengikut konteks teks sumber, watak Ahmad Jani pada masa itu sedang dalam ketakutan, dan dengan membaca Yasin watak dapat membendung rasa takut dalam diri yang digambarkan dengan “tangan yang tergigil-gigil”.

Penterjemah telah menggunakan strategi terjemahan filologikal untuk menangani unsur kepercayaan dalam contoh ayat ini. Melalui strategi ini, penterjemah menghasilkan ayat terjemahan dalam bentuk dan kandungan yang baharu dengan memfokuskan pada terjemahan unit sintaksis ayat sumber. Kata “Yasin” diterjemahkan secara literal dan kemudian diberikan penerangan tambahan, iaitu “*the thirty-seventh chapter of the Koran, on death and the final judgment*”. Pembaca sasaran secara tidak langsung didedahkan kepada budaya asing melalui pengejalan kata budaya dan penerangan tambahannya. Namun begitu, jika dilihat dalam ayat terjemahan, penterjemah hanya menerangkan tema Yasin tetapi bukan fungsi Yasin yang terlindung dalam pemikiran watak tersebut. Tidak dinyatakan sebab mengapa Yasin dipilih dan bukan surah lain dalam al-Quran serta alasan surah ini dibaca dalam situasi itu juga tidak dijelaskan. Penerangan tambahan yang diberikan oleh penterjemah, iaitu “*on death and final judgment*” hanya menyampaikan sedikit sahaja nilai Yasin. Tambahan pula, penerangan “*the thirty-seventh chapter of the Koran*” oleh penterjemah lebih menjurus pada Yasin sebagai artifak, bukannya sosiofak atau mentifak. Dalam terjemahan yang diberikan oleh penterjemah, ternyata mesej pemikiran yang terselindung dalam pembacaan Yasin tidak sampai kepada pembaca sasaran. Oleh hal yang demikian, terjemahan bagi

ayat ini bukan merupakan terjemahan tepat kerana mesej pemikiran tidak sampai kepada pembaca sasaran.

Contoh 2

b) TS (11):

Gegaran kuat menggentarkan segala-gala, isi bumi dan manusia dalam syelter itu. Suara jeritan dan suara Ahmad Jani mengaji semakin meninggi.

TT (11):

Violent explosions shook the shelter and all it contained. The screams, and Ahmad Jani's chanting, grew louder.

Perlakuan watak dalam konteks ayat Contoh 2 di atas pula menunjukkan bahawa situasi ini menggambarkan ketinggian darjat agama dibandingkan dengan keriuhan gempita bom yang meletup. Mengikut konteks teks, perlakuan meninggikan suara mengaji bagi mengatasi bunyi gegaran bom menunjukkan bahawa watak Ahmad Jani yakin dan percaya bahawa tindakannya itu bermakna dan perlu dalam situasi kelam kabut tersebut. Gegaran bom telah menyebabkan semua orang di dalam *syelter* itu menjerit ketakutan seperti yang tergambar melalui frasa “menggentarkan segala-galanya”. Ahmad Jani cuba untuk memberikan “semangat” baharu dengan menguatkan suara bacaan al-Qurannya. Anggapan yang boleh dibuat terhadap perlakuan Ahmad Jani dalam saat-saat genting itu ialah kemungkinan watak tersebut menyerah pada takdir Tuhannya (Allah) kerana baginya, ingatan terakhir setiap umat manusia adalah pada agamanya dan pada Tuhannya. Oleh hal yang demikian, dapat disimpulkan bahawa perlakuan dalam ayat Contoh 2 sebenarnya mengungkapkan mentifak ingat akan kekuasaan Tuhan. Dengan mengingati kekuasaan Tuhan, maka sedikit sebanyak meyakinkan kita bahawa Tuhan sentiasa bersama dan akan menolong jika dipinta. Dari satu aspek yang lain, perlakuan meninggikan suara mengaji juga menggambarkan pemikiran watak ketika itu yang mengharapkan perlindungan-Nya, di samping cuba menenangkan diri melalui perbuatan mengaji yang dipercayai dapat mendekatkan dirinya dengan Allah SWT.

Penterjemah telah menggunakan strategi terjemahan literal dalam menyampaikan kembali pemikiran unsur kepercayaan dalam contoh ayat ini. Frasa “suara Ahmad Jani mengaji semakin meninggi” telah diterjemahkan kepada “*Ahmad Jani's chanting, grew louder*”. Pengekalan

struktur kata dalam teks terjemahan menunjukkan bahawa penterjemah memberikan fokus pada unit leksikal kata dibandingkan dengan mesej pemikirannya dalam penghasilan kembali bentuk teks sumber. Melalui strategi terjemahan ini, penterjemah menghasilkan teks terjemahan dengan mengadaptasi sintaksis dan norma bahasa sumber ke dalam sintaksis dan norma bahasa sasaran. Penterjemah memadankan kata “mengaji” dengan *chanting* yang mempunyai maksud harfiah yang berbeza. *Chanting* lebih merujuk perlakuan membaca doa secara berulang-ulang dengan suara yang kuat. Perlakuan ini dikenali sebagai “berzikir” dalam budaya agama Islam. Dalam agama Kristian, budaya seperti zikir ini juga ada dan penganut agama ini berzikir bagi menunjukkan bahawa mereka ingat akan Tuhan mereka. Meskipun dalam teks sumber, watak Ahmad Jani bukan berzikir tetapi mengaji, mengikut konteks teks sumber dan teks terjemahan, masih terdapat pertindihan pemikiran bahawa “*chanting, grew louder*” dan “mengaji dengan suara lebih tinggi” membawa pemikiran yang sama, iaitu ingat akan Tuhan dan kekuasaan-Nya pada saat genting. Oleh hal yang demikian, terjemahan yang dihasilkan merupakan terjemahan tepat kerana telah berjaya menyampaikan pemikiran teks sumber.

Pendekatan Instrumental

Contoh 1

TS (6):

Semalam dia terpaksa menjumpai Basir untuk mendapatkan **satu tin susu**. “Boleh aku beri susu ni,” kata Basir yang bermuka bujur penuh jerawat itu. “Tapi...tapi kau mesti ganti dengan **susu tu**.” **Orang sudah tidak memberi kerana kemanusiaan**, fikir Tuminah. Sejak **dia menjadi janda enam bulan dahulu**, dia banyak kenal tentang **kebinatangan lelaki**. Setiap yang **dihulur minta diganti**. **Dalam masa perang-perang** begitu, **Tuminah tidak ada jalan lain**.

TT (6):

*Yesterday she had to go to Basir to get a **tin of condensed milk**. “Sure I’ll give you some milk,” the pimple-faced youth had said, “but...I want this in exchange.” **He touched her breast**. “**Nobody is kind anymore**,” Tuminah thought. She had learnt a lot about men in the six months after **she had lost her husband**. **No one gives anything for nothing**. There was a war on. **Tuminah had no choice**.*

Mentifak yang terkandung dalam ayat Contoh 1 ini pula merujuk unsur nilai tidak berperikemanusiaan yang tergambar melalui bahagian ditandakan seperti dalam ayat Contoh 1. *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2007:1185) mentakrifkan “perikemanusiaan” sebagai sifat yang wajar bagi manusia, seperti bertimbang rasa, ada belas kasihan, dapat memaafkan kesalahan orang, dan tolong-menolong. Mengikut konteks teks sumber, nilai tidak berperikemanusiaan diperlihatkan melalui perlakuan Basir yang memberikan susu tin dan meminta balasan susu Tuminah yang sebenarnya merujuk layanan seks. Basir dipaparkan sebagai individu yang mengambil kesempatan terhadap diri Tuminah yang tidak mempunyai tempat bergantung seperti dijelaskan dalam teks sumber, iaitu “menjadi janda enam bulan dahulu”. Disebabkan Tuminah tidak mempunyai suami untuk melindungi dirinya, Basir telah bertindak dengan menawarkan makanan, iaitu “satu tin susu” kepada Tuminah yang terdesak dalam kepayahan mencari makanan pada masa peperangan. “Kebinatangan” Basir terserlah melalui tindakannya meminta habuan layanan seks sebagai pengganti makanan yang diberikan kepada Tuminah. Dalam budaya Melayu, kebinatangan membawa idea bahawa nilai kemanusiaan itu tiada dan perlakuan sebegini merupakan sesuatu yang tidak baik. Perlakuan Basir yang rakus tanpa kawalan diibaratkan seperti binatang kerana dia sanggup meminta layanan seks daripada seorang wanita yang diketahui terdesak dalam kehidupannya. Oleh hal yang demikian, pemikiran yang terkandung dalam ayat Contoh 1 ini ialah nilai kemanusiaan yang sudah runtuh akibat nafsu dan kepentingan diri sendiri.

Bagi ayat Contoh 1, penterjemah menyampaikan pemikiran unsur nilai kemanusiaan yang terkandung dalam teks sumber dengan menggunakan strategi terjemahan sefungsi. Penterjemah memberikan padanan fungsi dengan cara memparafrasakan ayat “orang sudah tidak memberi kerana kemanusiaan” kepada “*nobody is kind anymore*”. Penterjemah membuat andaian bahawa “tidak berperikemanusiaan” itu sama maksudnya dengan “*not kind*” melalui tambahan “*he touched her breast*”. Dibandingkan dengan pernyataan “orang sudah tidak memberi kerana kemanusiaan” dalam teks sumber yang merujuk perlakuan Basir, iaitu memberi dan meminta dibalas dengan layanan seks, “*nobody is kind anymore*” yang digunakan oleh penterjemah pula sebenarnya merujuk perlakuan Basir menyentuh payu dara Tuminah. *Oxford Fajar Advanced Learner’s Dictionary* (2005:847) mendefinisikan *kind* sebagai *caring about others; gentle, friendly and generous*. *Not kind* ialah ciri yang sebaliknya. Meskipun kata *kind* membawa maksud yang umum dan tidak menggambarkan

sepenuhnya maksud kemanusiaan seperti dalam teks sumber, maklumat tambahan berkenaan “*not kind*” dengan “*he touched her breast*” membantu menerangkan ciri kebinatangan watak Basir. Terjemahan berlebihan yang dilakukan oleh penterjemah ini sebenarnya telah membantu menjelmakan pemikiran di sebalik nilai kemanusiaan yang terdapat dalam teks sumber. Meskipun dengan cara dan ungkapan yang berlainan, penterjemah berjaya mengungkapkan pemikiran nilai kemanusiaan tersebut dalam teks terjemahan. Melalui strategi ini, fungsi teks sumber itu dapat disampaikan dalam teks terjemahan dan menghasilkan terjemahan yang tepat.

Contoh 2

TS (19):

Jauh dari tingkap di atas kedengaran **suara Tompang mengaji, sebentar meninggi sebentar merendah**, tetapi **suaranya amat menakut dan memilukan**. Malam yang diusik oleh bunyi burung hantu dari kubur di seberang sungai itu jadi semakin **menyeramkan** dengan iringan suara Tompang mengaji.

TT (19):

Some distance away, she could hear Tompang chanting the Koran in his upstairs room. His voice rose and fell; it was sad, terrible voice. A bird hooted mournfully from the graveyard across the river, adding to the gloom created by the chanting.

Dalam Contoh 2, mentifak didapati melalui perlakuan mengaji dengan nada suara yang kedengaran menakutkan dan memilukan, dan mempunyai kaitan dengan unsur kepercayaan. Hal ini demikian kerana mentifak melibatkan amalan keagamaan watak Tompang sebagai penganut agama Islam dalam teks sumber, iaitu mengaji. Dalam teks sumber, terdapat dua konsep pemikiran yang membelakangi perlakuan Tompang mengaji dengan suara yang kedengaran menakutkan dan memilukan. Pertamanya, pemikiran di sebalik perlakuan Tompang mengaji telah menimbulkan ketakutan kepada pendengarnya dan yang kedua, pemikiran di sebalik pembacaan ayat al-Quran dengan penuh perasaan pilu menggambarkan kerendahan diri pembacanya terhadap Allah SWT. Dalam budaya Melayu, khususnya agama Islam, perlakuan mengaji atau membaca al-Quran boleh menyebabkan rasa takut kerana al-Quran merupakan kitab yang istimewa, yakni kalam Allah. Rasa takut yang timbul akibat pembacaan Tompang merujuk peringatan dalam bacaan ayat al-Quran terhadap Allah SWT.

Tercatat dalam surah Yasin ayat 69 dan 70 bahawa al-Quran bukanlah syair yang sekadar dibaca dengan suara merdu dan menyentuh hati sehingga menangis dengan bacaan itu, tetapi al-Quran merupakan suatu peringatan bagi orang yang hidup agar dapat mengubah dirinya setelah mendengarnya. Oleh hal yang demikian, rasa takut yang timbul setelah mendengar bacaan al-Quran jelas menunjukkan bahawa perlakuan watak Tompang dalam teks sumber seakan-akan peringatan terhadap suruhan dan larangan Allah SWT. Dalam konteks teks sumber, bunyi burung hantu dan kubur juga dikaitkan dengan rasa takut dan digambarkan dengan perkataan “menyeramkan” dalam teks sumber. Hal ini demikian kerana dalam budaya Melayu, bunyi burung hantu, atau imej burung hantu diasosiasikan dengan perkara yang negatif. Tambahan pula, lokasi burung hantu tersebut di kubur menambah lagi rasa takut setelah mendengar suara Tompang mengaji. Mengikut kepercayaan penganut agama Islam, kubur merupakan destinasi selepas dunia, dan kubur merupakan tempat yang penuh kesedihan dan ketakutan. Kesedihan ini wujud kerana kubur merupakan tempat kita mengucapkan selamat tinggal terakhir kepada orang yang disayangi. Kubur juga merupakan tempat ketakutan kerana bagi yang banyak melakukan dosa, kubur merupakan tempat diseksa dan diazab akibat perbuatan jahat di dunia. Perkaitan antara suara burung hantu di kubur, dengan suara Tompang yang menakutkan itu merujuk keadaan yang menyeramkan seperti dalam teks sumber.

Dalam kepercayaan agama Islam, perlakuan mengaji al-Quran dengan tajwid (hukum bacaan yang betul) dan suara yang nyaring sebenarnya dapat memberikan ketenangan pada jiwa. Dalam konteks teks sumber, perbuatan mengaji dengan penuh perasaan boleh dilihat melalui frasa “mengaji sebentar meninggi sebentar merendah”. Perubahan nada suara menggambarkan keadaan diri Tompang yang kurang bernasib baik. Mengikut konteks novel, watak Tompang yang cacat dikatakan mempunyai masalah dalam dirinya. Tompang sebenarnya membaca untuk memujuk dirinya yang berada dalam keadaan memilukan, iaitu lumpuh, buta dan sebatang kara. Perkara ini dapat dilihat melalui perlakuan Tompang yang mengaji dengan suara yang memilukan. Amalan memperdengarkan bacaan al-Quran dengan baik dan penuh penghayatan dapat menghiburkan perasaan sedih, menenangkan jiwa yang gelisah, melembutkan hati yang keras serta mendatangkan petunjuk (Soenarjo, 1971:103). Hal ini tercatat dalam al-Quran dalam Surah al-Anfaal ayat 2 yang bermaksud “Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu, hanyalah mereka yang apabila disebut (nama) Allah, gementarlah hati mereka, dan apabila

dibacakan kepada mereka ayat-ayat-Nya, bertambahlah iman mereka kerananya dan kepada Tuhanlah mereka bertawakal” (Soenarjo, 1971:104). Ayat dalam surah ini menjelaskan bahawa apabila ayat al-Quran dibaca, hati yang gementar menunjukkan individu yang mendengar itu merupakan orang yang beriman dan bertawakal dalam hidup mereka. Pendengar yang turut berasa pilu mendengar suara Tompang menggambarkan bahawa pembacaan ayat al-Quran dengan penuh perasaan yang digambarkan melalui kata “sebentar meninggi sebentar merendah” itu turut sama berasa rendah diri dan berserah pada takdir Allah SWT.

Penterjemah telah menggunakan strategi terjemahan homologus untuk menterjemahkan ayat Contoh 2. Melalui strategi terjemahan ini, penterjemah cuba menghasilkan kesan teks terjemahan yang sama dengan kesan teks sumber. Dalam menterjemahkan teks sumber ini, penterjemah telah mengubah struktur kata bagi memberikan kesan emosi dalam ayat terjemahan. Jelasnya, penterjemah menterjemah dengan tidak mengikut struktur ayat dan kata dalam teks sumber. Dalam terjemahan ayat Contoh 2 ini, penterjemah cuba menyampaikan pemikiran unsur kepercayaan ini melalui padanan “*chanting the Koran*” bagi “mengaji” dalam teks sumber. *Chanting* itu sendiri merupakan perlakuan membaca dengan suara yang kuat dan boleh bernada turun naik seperti perlakuan Tompang mengaji dalam teks sumber. Namun begitu, tidak disertakan maklumat berkenaan pemikiran watak tentang pembacaan ayat al-Quran yang menimbulkan rasa takut, kerana ayat al-Quran sebagai peringatan kepada Allah SWT dan pemikiran tentang timbulnya rasa pilu setelah mendengar bacaan al-Quran kerana rasa rendah diri dan berserah pada takdir Tuhan. Penterjemah sekadar menterjemahkan perlakuan watak dalam ayat. Walaupun begitu, penterjemah telah menimbal balik maklumat berkenaan rasa pilu dan rasa takut itu masing-masing dengan perkataan *mournfully* dan *gloom*. Padanan *graveyard* bagi “kubur” juga memberikan peranan dalam menyampaikan maklumat rasa takut. Rasa takut terhadap kubur hanya takut yang bersifat umum, iaitu merujuk takut akan kematian yang dikaitkan dengan kubur. Oleh itu, terjemahan yang diberikan tidak menyampaikan pemikiran unsur kepercayaan orang Islam kepada pembaca sasaran. Fungsi teks tidak kesampaian dalam teks terjemahan. Strategi terjemahan homologus yang diaplikasikan oleh penterjemah tidak berjaya mengungkapkan pemikiran unsur kepercayaan daripada teks sumber kepada teks terjemahan. Cadangan terjemahan yang lebih berkesan ialah penggunaan strategi terjemahan filologikal, iaitu dengan memberikan maklumat tambahan.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kelihatan mentifak dalam teks sumber diterjemahkan dan disampaikan oleh penterjemah melalui penggunaan strategi yang pelbagai. Dalam kajian ini, pengkaji mendapati bahawa penterjemah memanfaatkan empat strategi terjemahan Nord, iaitu terjemahan filologikal, terjemahan sefungsi, terjemahan literal dan terjemahan homologus. Selain itu, penterjemah juga telah menggabungkan tiga jenis strategi terjemahan bagi menyampaikan kembali mentifak Melayu dalam teks sumber ke dalam teks terjemahan. Hal ini menunjukkan bahawa mentifak Melayu sukar diterjemahkan ke dalam teks berbahasa asing yang mempunyai jurang budaya yang besar dengan bahasa dan budaya Melayu. Hasil kajian turut menunjukkan bahawa mentifak Melayu yang disampaikan ke dalam bahasa Inggeris sesuai diatasi melalui pendekatan dokumentari, iaitu secara khususnya melalui strategi terjemahan filologikal. Hal ini demikian kerana strategi filologikal memberikan laluan kepada penterjemah untuk menambah maklumat yang tidak lengkap melalui padanan sejadi dalam bahasa sasaran. Walaupun strategi ini menghasilkan terjemahan yang lebih panjang, namun fungsi teks sumber dan skopos (tujuan) teks terjemahan tercapai. Namun begitu, penterjemah seharusnya perlu cuba untuk mencari padanan sejadi atau padanan budaya sebelum menggunakan terjemahan filologikal. Dalam penterjemahan mentifak, penterjemah juga digalakkan untuk memahami keseluruhan teks dan budaya khususnya mentifak yang mendasari teks sumber terlebih dahulu sebelum menterjemah, dan tidak hanya menterjemah dari sudut kata, ayat dan perenggan sahaja. Sebagai kesimpulannya, mentifak sukar diatasi oleh penterjemah sekiranya makna situasi tidak diambil kira.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih ditujukan kepada sasterawan negara, Profesor Emeritus Muhammad Haji Salleh kerana telah sudi memberikan pandangan dan buah fikiran tentang cara hidup dan pemikiran orang Melayu pada zaman perang. Pandangan beliau dari aspek pemikiran Melayu telah banyak memudahkan analisis data bagi kajian ini. Jasa baik beliau amat dihargai oleh pengkaji.

RUJUKAN

- A. Samad Said, 1975. *Sungai Mengalir Lesu*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Asmah Haji Omar, 1993. *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aveling, H, 1981. *Lazy River*. Kuala Lumpur: Heinemann Asia.
- Ellwood, C.A., 1927. *Cultural Evolution*, New York: Century.
- Goh Sang Seong, 2012. *Bahasa Cina-Bahasa Melayu: Kebolehterjemahan Budaya*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Goodenough, Ward H., 1964. "Cultural Anthropology and Linguistics" dlm. Hymes, D., (ed.), *Language in Culture and Society: A Reader in Linguistics and Anthropology*. New York: Harper & Row, hlm. 36-39.
- Herskovits, M.J., 1948. *Man And His Works: The Science of Cultural Anthropology*. New York: Alfred A. Knopf Inc.
- Huxley, J., 1957. *Knowledge, Morality & Destiny*. New York: Mentor Book.
- Jaminkhiri Chek Embi, 2002. "Unsur Naturalisme dalam Salina dan Sungai Mengalir Lesu: Satu Kajian Bandingan". Disertasi Sarjana. Universiti Sains Malaysia.
- Kamus Dewan*, 2007. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Katan, D., 2004. *Translating Cultures: An Introduction for Translators, Interpreters and Mediators*. Manchester: St. Jerome Publishing.
- Larson, M.L., 1984. *Meaning-Based Translation-A Guide to Cross Language Equivalence*. USA: University Press of America.
- Mohanty, N., 1993. "Translation: A Symbiosis of Cultures in Teaching Translation and Interpreting". Papers from the Second Language International Conference". Elsinore, Denmark, 1-6 June 1993, disunting oleh Cay Dollerup, Annette Lindegaard, Amsterdam/Philadelphia: John Benjamin Publishing Company.
- Nord, C., 1997. *Translating as a Purposeful Activity: Functionalist Approaches Explained*. Manchester, U.K.: St Jerome Publishers.
- Normalis Amzah, 2008. "Unsur Budaya dalam Terjemahan Bahasa Jepun ke Bahasa Melayu: Analisis Karya Konosuke Matsushita". Disertasi Sarjana. Universiti Sains Malaysia.
- Oxford Fajar Advanced Learner's Dictionary*, 2005. Edisi Ketujuh. Oxford: Oxford University Press.
- Soenarjo S.H., 1971. *al-Quran dan Terjemahan Rasmi Uthmani*. Jakarta: Yayasan Penyelenggara Penterjemah/Pentafsir Al-Quran.
- Ummu Rahamatullah, 2008. "Terjemahan Unsur Budaya Terselindung Bahasa Sepanyol Ke Bahasa Inggeris Bagi Risalah Pelancongan". Disertasi Sarjana. Universiti Sains Malaysia.
- Winston, S. , 1933. *Culture and Human Behavior*. New York: Ronald Press.